

Pemuda serah memorandum kepada Perdana Menteri

KUALA LUMPUR, Jumaat — Pergerakan Pemuda Umno hari ini menyerahkan usul mengenai perlembagaan yang diluluskan sebulat suara dalam Perhimpunan Agung Khasnya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Usul itu disampaikan oleh perwakilan Pergerakan Pemuda Umno yang diketuai oleh Encik Anwar Ibrahim di kediaman Perdana Menteri selaku Presiden Umno.

Wakil kira-kira 30 orang Pergerakan Pemuda yang mengandungi ahli Exco dan wakil-wakil negeri itu kemudian mengadakan perbincangan dari hati ke hati kira-kira 40 minit.

Usul yang dikemukakan sendiri oleh Encik Anwar dan disokong oleh Ketua Pergerakan Pemuda Umno Selangor, Encik Fahmi Ibrahim dalam Perhimpunan Agung itu berbunyi:

● **MENGINGATKAN** bahawa pejuang-pejuang dan mujahid bangsa telah meninggalkan amanat dan wasiat suci dengan kemerdekaan negara sebagai kemuncak cita-cita serta hasrat perjuangan rakyat.

● **MENYEDARI** bahawa negara Malaysia yang merdeka telah ditegakkan di atas sistem pemerintahan berdasarkan semangat musyawarah dan demokrasi.

● **MENGAKUI** bahawa Umno dan kerajaan Barisan Nasional akan terus mempertahankan institusi raja berperlembagaan sebagai simbol kesinam-

bugan sejarah dan payung negara.

● **MENGINSAFI** bahawa Pergerakan Pemuda Umno Malaysia adalah generasi penerus perjuangan agama, bangsa dan negara, dan

○ **MEMAHAMI** bahawa hakikat sebenar dari rang undang-undang pindaan perlembagaan 1983 yang sesungguhnya adalah selaras dengan semangat perlembagaan itu sendiri.

"Maka, Perhimpunan Agung Khas Pergerakan Pemuda Umno Malaysia yang diadakan pada 29 Muharam, 1404 bersamaan 4 November 1983, dengan ini menyokong rang undang-undang pindaan perlembagaan 1983 yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara, serta menaruh penuh keyakinan bahawa pucuk pimpinan akan dapat menyelesaikan soal pelaksanaan keputusan Parlimen dengan bijaksana."

Encik Anwar memberitahu pemberita kemudian bahawa Pergerakan Pemuda telah memberitahu Datuk Seri Dr Mahathir tentang perjalanan Perhimpunan Agung Khas itu.

Encik Anwar berkata, Perdana Menteri menyatakan gembiranya bahawa perhimpunan itu berjalan dengan tenang.

Turut hadir dalam Perhimpunan Agung itu ialah Naib Presiden parti, Encik Ghaffar Baba dan Tengku Ahmad Rithauddeen, wakil Majlis Tertinggi, Datuk Rais Yatim dan Setiausaha Agung Umno, Datuk Haji Mustapha Jabar.